

18/02/1999

Pembangunan untuk penduduk beri kerjasama

KOTA BHARU, Rabu - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Ibrahim Ali mengarahkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) hanya melaksanakan projek pembangunan di kawasan yang penduduknya memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, pendekatan itu perlu dilakukan bagi menyedarkan kerajaan negeri mengenai tanggungjawab mereka supaya memaju dan membangunkan kawasan terbabit.

"Mulai sekarang segala projek pembangunan akan dibawa masuk ke kawasan yang didapati memberi kerjasama kepada kita sebab tidak ada makna projek dijalankan di kawasan rakyatnya enggan memberi sokongan.

"Dengan itu, kawasan berkenaan akan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri. Kita hanya melaksanakan projek yang mendapat kerjasama rakyat. Itu pendekatan baru kita," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat daripada Pengarah JPPK, Datuk Azman Abdul Rashid di pejabat JPPK, di sini hari ini.

Ibrahim mengadakan lawatan pertamanya ke JPPK selepas beliau berada dalam Kabinet dan dipertanggungjawabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengawasi perjalanan jabatan berkenaan.

Mengenai arahan Perdana Menteri, beliau berkata, arahan itu lebih kepada tanggungjawabnya mengawasi peranan JPPK supaya lebih efektif lagi terutama dalam pengagihan dan pelaksanaan projek pembangunan di Kelantan.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan prestasi JPPK dan saya difahamkan segala projek pembangunan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RM7) mencapai hampir 61 peratus daripada peruntukan RM1.8 bilion.

"Jumlah itu adalah 2.8 peratus daripada peruntukan pembangunan nasional. Kalau dihitung dari segi perkapita peruntukan yang diterima di bawah RM7, ini bermakna setiap rakyat di Kelantan memperoleh pendapatan perkapita RM1,609.13," katanya.

Ibrahim yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, berharap baki peruntukan kira-kira 39 peratus lagi dapat dihabiskan mengikut jadual (sehingga akhir tempoh RM7) supaya dalam RM8 nanti Kelantan akan mendapat peruntukan lebih besar.

Menurutnya, jika Kelantan hendak maju cepat mereka perlu mengangkat martabatnya dengan balik semula ke agenda Pembangunan Nasional.

"Saya sudah berbincang dengan pengarah dan pegawai kanan JPPK yang mana mereka bersetuju meningkatkan daya juang untuk melaksanakan projek pembangunan secara bersepadu di Kelantan," katanya.

(END)